

Untuk capai Wawasan Pertanian

Ubah sistem tani: PM

(r) RH - 7 AUG 1992

KUANTAN, Khamis — Penggunaan jentera dalam pertanian moden gagal dilaksanakan dengan baik di kalangan petani kerana sistem pengurusan pertanian di negara ini masih diusahakan secara kecil-kecilan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, keadaan sedemikian menyebabkan jentera termoden tidak dapat digunakan dengan cekap walaupun penggunaannya sudah lama diperkenalkan.

Menurutnya, pendekatan negara perindustrian mengalih industri pertanian kepada industri pembuatan bagi pertumbuhan ekonomi ialah dengan menggantikan tenaga manusia dengan jentera.

Perdana Menteri berkata, bagi melaksanakannya, perubahan cara pertanian terpaksa dibuat bagi membolehkan sesebuah negara beralih kepada jentera pertanian moden.

Bagaimanapun, katanya, sawah padi, kebun buah dan sayur di negara ini masih kecil serta dimiliki individu yang biasanya kekurangan modal.

"Sebaliknya jumlah pengeluaran getah oleh estet besar adalah sekali ganda lebih daripada jumlah semua getah yang dikeluarkan pekebun kecil. Oleh itu tidak mustahil penanaman padi, buah-buahan dan sayur-sayuran boleh memberikan hasil lebih tinggi jika diusahakan secara estet besar-besaran," katanya merasmikar Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1992 di Taman Pertanian Indera Mahkota di sini hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia memerlukan petani berpendidikan tinggi

yang lebih terlatih untuk mengendalikan peralatan moden dan pengurusan estet.

Katanya, petani masa depan juga mungkin memiliki saham dalam syarikat besar mengikut nilai tanah dan harta masing-masing.

"Inilah Wawasan Pertanian kita. Masa yang lebih panjang mungkin diperlukan. Pelbagai rintangan dan kekecewaan akan diharungi dalam perjalanan ke arah wawasan ini," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, langkah terpenting bagi bangsa cekap yang sanggup menghadapi rintangan serta mengelakkan kekecewaan ialah menentukan sikap diri sendiri.

Dr Mahathir berkata, pengalaman nelayan yang tinggal di pulau-pulau peranginan boleh dijadikan contoh untuk negara mencapai Wawasan Pertanian.

LAGI BERITA, GAMBAR DI MUKA 3

Bagaimanapun, katanya, tumpuan nelayan terabit terhadap industri pelancongan menjejaskan industri perikanan pula.

"Oleh itu, pendekatan yang sesuai bagi nelayan ialah menggunakan bot lebih besar untuk menangkap ikan di laut dalam. Kemungkinannya ialah nelayan laut dalam akan mendapat pendapatan lebih baik.

Perdana Menteri juga membayangkan sektor pertanian akan melalui pelbagai cabaran pada masa depan kerana sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) terus merosot kepada 17.2 peratus tahun lalu berbanding 18.8 peratus pada tahun sebelumnya.